

سمبوتن هاري فرخدمتن عوام کالي ک-۳۰، تاهون ۲۰۲۳

**SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM
KALI KE-30, TAHUN 2023**

کبرداياتاهن دان فرقادوان فرخدمتن عوام
قمثکين کسجهتراءن نگارا

**KEBERDAYATAHANAN DAN PERPADUAN PERKHIDMATAN AWAM
PEMANGKIN KESEJAHTERAAN NEGARA**

**DEWAN PLENARY
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA (ICC), BERAKAS**

**HARI SELASA
16 RABIULAKHIR 1445H | 31 OKTOBER 2023M**



کبردایا تاهنن دان فرقادوان فرخدمتن عوام
قمشکین کسجهتراءن نکارا

**KEBERDAYATAHANAN DAN PERPADUAN PERKHIDMATAN AWAM
PEMANGKIN KESEJAHTERAAN NEGARA**



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM
SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**



**DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN MUDA MAHKOTA
PENGIRAN MUDA HAJI AL-MUHTADEE BILLAH IBNI KEBAWAH DULI YANG
MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
MU'IZZADDIN WADDAULAH
MENTERI KANAN DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Petikan Titah Mengenai Perkhidmatan Awam

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**

SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM KALI KE-26, TAHUN 2019

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur ke hadhrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat pula berkumpul pada pagi ini di Majlis Kemuncak Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-26 bagi Tahun 2019.

Tidak dapat disangkal lagi, Perkhidmatan Awam adalah merupakan jentera penggerak kerajaan dalam membangun negara bagi kesejahteraan rakyat.

Ia, bukan sahaja untuk masa ini, malahan juga untuk kepentingan jangka panjang.

Perkhidmatan Awam berperanan menanai tanggungjawab besar untuk masyarakat. Ia perlu mempunyai usaha atau inisiatif bagi kemanfaatan masyarakat secara langsung.

Mengenai usaha atau inisiatif ini, masih saja ada warga awam di peringkat tertentu yang mengabaikannya. Misalnya, telah didapati satu isu, yang sepatutnya sudah boleh selesai lapan tahun yang lalu, tetapi sehingga kini, ia masih saja belum lagi diselesaikan.

Mengapakah ia belum diselesaikan? Adakah kerana takut untuk membuat keputusan? Atau kerana masih ragu untuk membuat keputusan? Kalau inilah sebabnya, mengapakah tidak dirujuk kepada ketua atau bertanya langsung kepada pihak tertentu untuk mendapatkan pencerahan?

Usaha atau inisiatif seperti ini nampaknya tidak dibuat, makanya isu lapan tahun itu belum lagi terungkai.

Masa lapan tahun bukannya pendek. Macam-macam boleh berlaku dalam jangka masa tersebut. Misalnya kita ada projek membangun sebuah bangunan, maka masa lapan tahun tertangguh itu boleh saja mendatangkan kerugian besar, seperti harga barang mungkin naik melambung sehingga dua atau tiga kali ganda.

Inilah akibat dari tidak adanya usaha atau inisiatif, yang juga boleh ditafsir sebagai tidak adanya amanah dalam menjalankan tugas dengan baik.

Beta ingin menekankan di sini, bahawa amanah adalah wajib diamalkan oleh setiap warga Perkhidmatan Awam. Tidak ada maknanya berkhidmat tanpa amanah. Amanah adalah 'tiang seri' keadilan. Rakyat mesti dilindungi dan dibela dengan keadilan. Inilah ajaran ugama kita.

Semua orang dilihat cenderung dan suka bercakap mengenai keadilan. Tetapi bagi Beta, bercakap sahaja belumlah memadai tanpa melaksanakannya. Keadilan hanya akan 'gemerlap' apabila dilaksanakan. Kerana itu, kita sama sekali tidak mampu untuk berkompromi dengan sebarang ketidakadilan.

Jika Perkhidmatan Awam lemah melaksanakan keadilan, maka kepentingan rakyat pasti terjejas. Kerana itulah undang-undang digubal, untuk dilaksanakan.

Tidak ada gunanya bercakap mengenai undang-undang sedang jenayah dan pelanggaran terus dibiarkan berlaku, tidak ditangani. Misalnya satu contoh, kita sudah ada Akta Kesalahan-Kesalahan Berkaitan Pengotoran Di Tempat-Tempat Awam dan Pembuangan Sampah, tetapi pembuangan sampah masih terus berlaku tanpa kawalan berkesan. Ini dapat dilihat dari sungai-sungai dan longkang-longkang yang terus dicemari sampah, sedang di tempat lain, orang membuang puntung rokok pun dikenakan tindakan undang-undang.

Bagaimanapun, Beta masih percaya dan optimistik dengan Perkhidmatan Awam. Ia masih berpeluang dan mampu untuk menyuluh perkembangan optimum setiap kementerian, jabatan dan juga pegawai serta kakitangan kerajaan, melalui skim penganugerahan-penganugerahan yang munasabah.

Oleh itu, Beta tetap gembira, kerana kita masih dapat menganugerahkan beberapa anugerah, berdasarkan merit, iaitu Anugerah Inovasi Perdana, Anugerah Penggredan Prestasi Sektor Awam (3PSA), Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam dan Anugerah Kakitangan Berjasa dan Berbakti Perkhidmatan Awam.

Beta tidak lupa merakamkan ucapan tahniah kepada semua penerima anugerah-anugerah tersebut, semoga mereka dikurniakan keberkatan, untuk dapat menyuntik semangat para warga Perkhidmatan Awam yang lain bagi sama-sama memburu kecemerlangan.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

KANDUNGAN

12	SEKAPUR SIRIH
15	WAWASAN PERKHIDMATAN AWAM ABAD KE-21
17	HURAIAN TEMA HARI PERKHIDMATAN AWAM KALI KE-30, TAHUN 2023
19	HURAIAN LOGO BAHARU HARI PERKHIDMATAN AWAM
21	TEMA-TEMA HARI PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2010-2022
23	IKRAR PERKHIDMATAN AWAM
25	ANUGERAH INOVASI PERDANA (AIP)
31	KUMPULAN-KUMPULAN YANG MENYERTA ANUGERAH INOVASI PERDANA (AIP)
57	PROGRAM PENGGREEDAN PRESTASI SEKTOR AWAM (3PSA)
62	ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG PERKHIDMATAN AWAM (APCPA)
67	PENERIMA-PENERIMA ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG PERKHIDMATAN AWAM (APCPA)
80	ANUGERAH KAKITANGAN BERJASA DAN BERBAKTI PERKHIDMATAN AWAM (AKB ² PA)
83	PENERIMA-PENERIMA ANUGERAH KAKITANGAN BERJASA DAN BERBAKTI PERKHIDMATAN AWAM (AKB ² PA)
87	KHUTBAH JUMA'AT KHAS HARI PERKHIDMATAN AWAM
93	KENANGAN SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM KALI KE-26, TAHUN 2019 DAN KALI KE-29, TAHUN 2022
99	RIADAH AMAL SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM KALI KE-26, TAHUN 2019 DAN KALI KE-29, TAHUN 2022
102	ACARA KEAGAMAAN SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM KALI KE-30, TAHUN 2023
106	ACARA PENYAMPAIAN PEMENANG LOGO SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM KALI KE-30, TAHUN 2023
108	INFOGRAFIK PERKHIDMATAN AWAM
114	SENARAI JAWATANKUASA TERTINGGI SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM KALI KE-30, TAHUN 2023
120	SENARAI JAWATANKUASA EKSEKUTIF SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM KALI KE-30, TAHUN 2023



SEKAPUR SIRIH

SEKAPUR SIRIH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين
والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين
سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, Syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, dapatlah kita bersama meraikan **Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-30 pada tahun 2023** ini.

Tema sambutan pada kali ini iaitu "**Keberdayatahan dan Perpaduan Perkhidmatan Awam, Pemangkin Kesejahteraan Negara**", adalah sinonim dengan keupayaan perkhidmatan awam di negara ini dalam menggarap perkembangan dan kemajuan berterusan di sebalik kepelbagaian cabaran yang dibawa oleh arus perubahan semasa.

Keberdayatahan itu diterjemahkan sebagai kematangan warga penjawat awam di negara ini dalam mendepani dan mengadaptasi kepada perubahan-perubahan semasa dan mendatang, yang mempengaruhi gerak kerja dan sistem penyampaian perkhidmatan sedia ada.

lanya juga terbit dari kegigihan dan komitmen tinggi dari setiap warga penjawat awam, yang terus menanamkan semangat perpaduan dan sinergi kerjasama kukuh merentasi agensi-agensi Kerajaan dan Swasta serta orang awam, sebagai sandaran utama kepada pembentukan dasar-dasar, peraturan dan penyediaan perkhidmatan yang bukan sahaja berpusatkan rakyat tetapi merangkumi pendekatan *Whole of Government* dan *Whole of Nation*.

Dengan berkat daulat dan kebijaksanaan pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, negara telah dan terus menikmati keberhasilan yang memberangsangkan dalam banyak bidang strategik, menjurus kepada merealisasikan pertumbuhan dan kemajuan sektor-sektor berkeutamaan yang disasarkan di bawah perencanaan Wawasan Brunei 2035.

Ini menjadi tuntutan ke atas setiap penjawat awam selaku pemangkin pembangunan dan kemajuan yang dihasratkan, untuk sentiasa melengkapkan diri dengan pengetahuan, kemahiran, dan pengalaman yang relevan dan terkini, bukan sahaja bagi meraih kecemerlangan dalam tugas, malah berupaya meningkatkan keyakinan setiap yang berkepentingan terhadap perkhidmatan awam negara ini. Dalam hubungan ini, pelbagai inisiatif berkaitan pembangunan kapasiti dan kompetensi warga penjawat awam terus dilaksanakan, berasaskan perancangan program latihan yang teratur dan diselaraskan dengan kemahiran yang diperlukan sesuai dengan bidang tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Disamping itu, keberkesanan tadbir urus dalam organisasi juga diberikan perhatian sewajarnya, pada memastikan fokus terhadap bidang-bidang teras dan strategik, dengan penyelarasan berkaitan penggunaan sumber tenaga manusia dan kemudahan-kemudahan sedia ada secara '*optimal*'. Sementara, kepimpinan yang baik juga masih sahaja dikaitkan dengan kecemerlangan organisasi, lebih-lebih lagi kebolehan pemimpin itu dalam menerokai pendekatan-pendekatan terbaharu khasnya teknologi digital bagi memperkemas dan memperkesakan lagi pengurusan dan penyampaian perkhidmatan yang lebih mesra pelanggan.

Dalam mendokong semua ini dan menjadi keutamaan ialah penekanan tentang sikap amanah, ikhlas dan telus dalam menanai tugas dan tanggungjawab, untuk sentiasa terpahat dalam setiap diri penjawat awam itu. Justeru, ciri-ciri dalam Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam hendaklah terus dijadikan sandaran kepada perilaku dan peradaban yang semestinya ditonjolkan oleh seorang penjawat awam.

Alhamdulillah, Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-30 ini akan disemarakkan lagi dengan penyampaian Anugerah-Anugerah sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan kepada setiap penerima di atas kecemerlangan perkhidmatan, termasuklah dalam menerajui usaha-usaha penambahbaikan dan pembaharuan (inovasi) dalam Perkhidmatan Awam di negara ini.

Syabas dan setinggi tahniah diucapkan kepada semua penerima-penerima anugerah. Semoga anugerah yang diterima akan menjadi penyuntik semangat dan motivasi untuk terus berkhidmat dengan cemerlang serta menjadi contoh ikutan yang baik kepada warga Perkhidmatan Awam yang lain.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada warga Perkhidmatan Awam yang telah bersara pada tahun 2020, 2021, 2022 dan juga pada tahun ini, 2023, di atas jasa dan khidmat bakti yang dicurahkan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Semoga segala sumbangan ikhlas yang telah dicurahkan akan sentiasa diredhai dan diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala jua. Amin Ya Rabbal 'Alameen.

Untuk akhirnya, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-30, dengan tulus ikhlas mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam sama-sama menjayakan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam pada tahun ini, dan semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberikan ganjaran yang setimpal dengannya.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat
Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri
Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof
Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II
Selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi
Sambutan Hari Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam Kali Ke-30, Tahun 2023

WAWASAN PERKHIDMATAN AWAM ABAD KE-21



واوسن وُخرمَتَن عوام ابدك - ٢١

WAWASAN PERKHIDMATAN AWAM ABAD KE-21

“Untuk menjadikan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam
yang sentiasa membangun dan berusaha
dengan gayanya tersendiri menurut calak Islam
dalam persekitaran yang sihat dan selamat
di bawah inayah dan petunjuk
Allah Subhanahu Wata’ala”



HURAIAN TEMA

HARI PERKHIDMATAN AWAM


KEBERDAYATAHANAN DAN PERPADUAN PERKHIDMATAN AWAM PEMANGKIN KESEJAHTERAAN NEGARA

Perkhidmatan Awam adalah sebuah institusi dinamik yang bergerak mengikut arus peralihan zaman yang sangat kompleks serta cabaran-cabaran yang tidak dijangka termasuk mendepani krisis pandemik COVID-19 yang menggegarkan seluruh dunia. Ini telah memberikan impak terhadap lanskap Perkhidmatan Awam dan tidak kurangnya memberikan kesan terhadap kesihatan mental dalam tiga tahun kebelakangan ini. Krisis tersebut juga telah memaksa setiap penjawat awam untuk memiliki kedayatahanan yang tinggi, sentiasa bersikap proaktif, responsif, inovatif dan tangkas serta mempunyai sikap perpaduan yang tinggi sesama warga Perkhidmatan Awam. Ketika negara berdepan dengan situasi pandemik COVID-19, teknologi tidak lagi menjadi opsyen malahan satu kemestian dalam memastikan kelangsungan pemberian perkhidmatan yang cemerlang kepada orang awam bagi mencapai kesejahteraan negara.

Dalam pada negara menghadapi pasca pandemik, salah satu teras keunggulan sesebuah organisasi adalah bergantung kepada setakat mana warga kerjanya sentiasa berpandangan jauh dan mengamalkan nilai-nilai yang luhur lagi murni serta mengekalkan produktiviti kerja yang tinggi, di samping mengutamakan penjagaan kesihatan mental dan kesejahteraan di tempat kerja.

Sehubungan ini, Perkhidmatan Awam perlulah sentiasa mempertingkatkan kredibiliti dan kompetensi setiap pegawai dan kakitangan dan mengekalkan amalan budaya berprestasi tinggi secara berterusan agar tampil berani dan bersedia bangkit dengan semangat yang jitu dalam menyahut cabaran-cabaran semasa. Kerjasama erat dan bersepadu diantara agensi-agensi Kerajaan dan agensi yang berkepentingan perlu diperkukuhkan lagi bagi memacu ekonomi negara agar tetap berdayatahan dalam menangani dan meminimalkan kesan dan risiko daripada sebarang krisis global antaranya termasuklah isu perubahan iklim yang sedang dihadapi pada masa ini.

Asas utama yang perlu ada pada setiap pegawai dan kakitangan ialah taqwa dan ihsan yang perlu diperkukuhkan bagi tujuan menghasilkan tenaga kerja yang berdayatahan, mendorong kepada pembangunan serta sentiasa beriltizam dalam menyediakan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang kepada orang ramai dan sektor swasta sebagai penyumbang kepada mencapai hasrat Wawasan Brunei 2035.



LOGO BAHARU

HARI PERKHIDMATAN AWAM



Logo yang **berbentuk huruf HPA** ini diambil ilham dari bangunan-bangunan yang elegan dan moden dengan sentuhan yang menggambarkan intipati dari Hari Perkhidmatan Awam. Bangunan tersebut memiliki struktur yang kukuh dan berwibawa, melambangkan kestabilan dan kepercayaan yang dibawa oleh warga perkhidmatan awam.

3 bentuk cahaya pelangi menuju ke panji-panji ini membawa maksud 3 matlamat Wawasan 2035. Kesatuan dalam beriltizam bagi menyediakan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang sebagai penyumbang dalam mencapai hasrat Wawasan Brunei 2035.

Warna Merah:

Melambangkan semangat dan dedikasi para warga perkhidmatan awam dalam memberikan perkhidmatan dengan penuh semangat. Ia juga melambangkan kesegeraan dalam memenuhi keperluan orang ramai.

Warna Kuning:

Dalam konteks logo Hari Perkhidmatan Awam, kuning melambangkan sikap positif dan optimistik yang ditunjukkan oleh warga perkhidmatan awam dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada orang ramai. Warna ini juga menggambarkan suasana yang terang dan cerah, mencerminkan ketelusan, keterbukaan, dan pendekatan pemimpin dengan rakyat.

Warna Biru:

Warna biru sering dikaitkan dengan kestabilan, kepercayaan, dan profesionalisme. Dalam logo Hari Perkhidmatan Awam, biru melambangkan komitmen warga perkhidmatan awam terhadap integriti, kepercayaan, dan kualiti dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab.

TEMA-TEMA

HARI PERKHIDMATAN AWAM
TAHUN 2010 - 2022

TEMA-TEMA SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2010 - 2022

‘BERSATU PADU KE ARAH MENCAPAI WAWASAN BRUNEI 2035’

**2010 -
2012**

- Tahun 2010 (HPA Kali Ke-17)
- Hari Khamis, 13 Zulkaedah 1431 / 21 Oktober 2010
- Tahun 2011 (HPA Kali Ke-18)
- Hari Khamis, 15 Zulkaedah 1432 / 13 Oktober 2011
- Tahun 2012 (HPA Kali Ke-19)
- Hari Rabu, 11 Zulhijjah 1433 / 17 Oktober 2012

‘URUSTADBIR DINAMIK KE ARAH KESEJAHTERAAN NEGARA’

**2013 -
2015**

- Tahun 2013 (HPA Kali Ke-20)
- Hari Rabu, 1 Safar 1435 / 4 Disember 2013
- Tahun 2014 (HPA Kali Ke-21)
- Hari Rabu, 4 Safar 1436 / 27 November 2014
- Tahun 2015 (HPA Kali Ke-22)
- Hari Rabu, 12 Safar 1437 / 24 November 2015

‘TRANSFORMASI KE ARAH PERKHIDMATAN AWAM YANG PROGRESIF’

**2016 -
2018**

- Tahun 2016 (HPA Kali Ke-23)
- Hari Khamis, 19 Muharram 1438 / 20 Oktober 2016
- Tahun 2017 (HPA Kali Ke-24)
- Hari Rabu, 3 Rabiulawal 1439 / 22 November 2017
- Tahun 2018 (HPA Kali Ke-25)
- Hari Rabu, 22 Safar 1440 / 31 Oktober 2018

‘PERKHIDMATAN AWAM BERINTEGRITI DAN BERINOVASI PEMANGKIN PEMBANGUNAN NEGARA’

**2019 -
2022**

- Tahun 2019 (HPA Kali Ke-26)
- Hari Selasa, 15 Rabiulawal 1441 / 12 November 2019
- Tahun 2020 (HPA Kali Ke-27)
- Hari Selasa, 11 Safar 1442 / 29 September 2020
- Tahun 2021 (HPA Kali Ke-28)
- Hari Rabu, 22 Safar 1443 / 29 September 2021
- Tahun 2022 (HPA Kali Ke-29)
- Hari Khamis, 24 Rabiulakhir 1444 / 19 November 2022

Majlis Penghargaan dan Penyampaian
Anugerah-Anugerah
Hari Perkhidmatan Awam
Kali ke-29, Tahun 2022



IKRAR

PERKHIDMATAN AWAM

IKRAR PERKHIDMATAN AWAM


Dengan bertawakkal kepada Allah Subhanahu Wata'ala, kami, Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini berikrar:

Menjunjung tinggi dan menghayati falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB) yang bersendikan ajaran-ajaran Ugama Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jama'ah.

Memelihara dan mengamalkan dengan teguh prinsip-prinsip "Hablun MinAllah" iaitu hubungan dengan Allah dan "Hablun Min An-Nas" iaitu hubungan dengan manusia.

Sentiasa berusaha meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja, mempunyai daya tahan, daya saing dan bersedia menghadapi cabaran.

Berkhidmat berasaskan keadilan serta amanah untuk agama, bangsa, Kerajaan dan Negara pada menjunjung tinggi kemerdekaan dan kedaulatan sehingga terwujud negara aman, makmur, sejahtera, mendapat keampunan, keberkatan serta redha Allah Subhanahu Wata'ala.



AIP

**ANUGERAH
INOVASI
PERDANA**



RENCANA ANUGERAH INOVASI PERDANA (AIP) 2023

MUKADIMAH

Program Anugerah Inovasi Perdana atau ringkasnya AIP adalah merupakan salah satu inisiatif yang diperkenalkan oleh Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dan Institut Perkhidmatan Awam. Program ini melibatkan penelitan semula Program Inovasi dalam Perkhidmatan Awam di bawah Rangka Kerja Perkhidmatatan Awam yang menyumbang kepada pencapaian indeks keberkesanan kerajaan disamping membantu ke arah pemberian perkhidmatan yang cemerlang untuk mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

MATLAMAT



AHLI-AHLI PANEL BAGI PENILAIAN DAN PEMILIHAN AIP 2023

Ahli-ahli Panel Penilaian dan Pemilihan AIP 2023 adalah terdiri daripada:-

AWANG HAJI RUSDI BIN HAJI JUDIN
Pemangku Timbalan Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Awam
Selaku Ketua Ahli Panel Penilai AIP 2023

DR. HAJAH NOOR MAYA BINTI HAJI MD SALLEH
Pengarah Institut Perkhidmatan Awam
Institut Perkhidmatan Awam

HAJAH SUZIYATI BINTI MOHAMMAD ALI
Pemangku Pengarah Penyelidikan dan Perancangan
Jabatan Perkhidmatan Awam

HAJAH SITI MARDYNAH BINTI HAJI IBRAHIM
Pemangku Pengarah Pembangunan dan Pengurusan
Jabatan Perkhidmatan Awam

HAJI MOHAMMAD YUSRI BIN HAJI WAHSALFELAH
Ketua Perhubungan Kerajaan dan Projek-Projek Khas
Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD)

DR. DAYANG FADZLIWATI BINTI MOHIDDIN
Dekan, Sekolah Perdagangan
Universiti Teknologi Brunei (UTB)



Gambar Ahli-Ahli Panel Penilaian dan Pemilihan AIP 2023

PENYERTAAN AIP 2023

Pada tahun ini, sebanyak dua belas (12) kertas projek telah dinilai dan dipertandingkan. Penyertaan melibatkan sejumlah 74 peserta dari 7 Kementerian / Jabatan secara keseluruhan.

Senarai kertas projek yang dipertandingkan adalah seperti berikut:-

No	Tajuk	Nama Kumpulan	Jabatan / Kementerian
1	Pemeriksaan Perkhidmatan dan Pengurusan KAFA bagi Menangani Pemikiran Ekstrem	Kumpulan Unit KAFA	Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama (KAFA), Pejabat Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama
2	Pengguna Bijak: A <i>Digital Consumer Information Platform to Empower Consumers in Negara Brunei Darussalam</i>	Kumpulan Pengguna Bijak	Jabatan Hal Ehwal Pengguna, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi

No	Tajuk	Nama Kumpulan	Jabatan / Kementerian
3	<i>Contractor Scoring Assessment</i>	SKALA - Mengukur kemampuan dan Kedayatahan Industri	Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI), Kementerian Pembangunan
4	Projek Click-and-Bid	Lakas dengan Klik!	Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
5	<i>Student Attendance Management System (SAMS)</i>	Unit Pengurusan Data dan Teknologi (UPDT)	Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan
6	<i>Public Service Commission Recruitment System 2.0 (PSCR 2.0)</i>	Kumpulan SPA	Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri
7	Proses Permohonan Pelajar Berpindah / Bertukar ke Sekolah Kerajaan secara atas talian (<i>Online</i>)	UKPP (Untuk Kesejahteraan Pelajar-Pelajar)	Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan
8	Peningkatan Kapasiti Makmal Veterinar bagi Tujuan Pengeksportan Telur Ayam	VLS (<i>Veterinary Laboratory Services</i>)	Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

No	Tajuk	Nama Kumpulan	Jabatan / Kementerian
9	Khazanah 'Ilmiyyah	Al-Mutaqaddimun	Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama
10	Sistem Pemantauan Kehadiran Pelajar (SPKP)	Al-Mubtakirun	Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama
11	Penjualan dan Pembayaran Buku-Buku Persekolahan Ugama Secara Dalam Talian	Al-Murtaqa	Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama
12	Projek Peningkatan Pengeluaran Padi dan Beras Melalui Peningkatan Produktiviti Tanaman	Rice Up!	Bahagian Industri Padi, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

PENUTUP

AIP ini Insya Allah akan diadakan pada setiap tahun, maka dengan itu Jabatan Perkhidmatan Pengurusan sangat mengalu-alukan lebih banyak penyertaan AIP daripada Kementerian / Jabatan, yang secara tidak langsung menggalakkan budaya inovasi dalam Perkhidmatan Awam. Maklumat lanjut mengenai AIP bolehlah diperolehi di Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Jabatan Perdana Menteri, Bangunan Bahirah, Jalan Menteri Besar atau di laman sesawang Jabatan di alamat www.msd.gov.bn. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi **Urusetia AIP**, Jabatan Perkhidmatan Pengurusan di talian 2382064/65/66.



AIP

KUMPULAN-KUMPULAN
YANG MENYERTAI

**ANUGERAH
INOVASI
PERDANA**

JABATAN PERDANA MENTERI



1. PUBLIC SERVICE COMMISSION RECRUITMENT SYSTEM 2.0 (PSCR 2.0)

Kumpulan SPA Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

AHLI-AHLI

Dayang Sufinah binti Haji Serudin, Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Awang Zuhlilmi bin Ahmad Sherjawi, Pegawai Kerja

Dayang Ampuan Nurzaidah binti Ampuan Ali, Pegawai Kerja

Dayang Norefna binti Abdullah, Pegawai Kerja

SINOPSIS

Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Pejabat SPA) komited untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan kepada orang awam dengan penggunaan teknologi maklumat dalam memproses pengisian jawatan kosong. Pada tahun 2015, *Public Service Commission Recruitment System* (PSCR 1.0) telah diperkenalkan untuk menggantikan permohonan jawatan kosong menggunakan borang kepada kaedah dalam talian.

Melalui pemantauan dan analisis masalah, Pejabat SPA telah mengganti sistem PSCR 1.0 kepada yang lebih sesuai. *Projek PSC Recruitment System 2.0* (PSCR 2.0) telah dimulakan pembangunannya pada 2020 dan mula digunakan pada 7hb September 2021 bertujuan untuk menaiktaraf *public experience* dalam membina profil pemohon, menghadapi permohonan jawatan kosong, mengetahui status terkini permohonan, ujian dan temu duga, dan kemudahan menghadapi aduan. *Business Users* pejabat dapat memproses dengan lebih mudah memandangkan beberapa proses yang manual digantikan dengan '*auto generate*' dan dipendekkan. Kementerian dan Jabatan lain juga menggunakan portal tersebut bagi pengesahan perkhidmatan pemohon secara dalam talian.

Sistem PSCR 2.0 adalah satu inovasi yang telah menunjukkan hasil yang ketara iaitu peningkatan pencapaian tempoh masa memproses pada tahun 2023 bagi proses perakuan daripada 31% (2021) kepada 75%; penyediaan kertas kerja daripada 58% (2021) kepada 92%. Melalui maklum balas pengguna PSCR 2.0 pada Julai 2023, purata 87% menyatakan perubahan kepada Sistem PSCR 2.0 adalah ditahap memuaskan ke atas. Sistem ini diharap akan terus dikembangkan penggunaannya dalam Perkhidmatan Awam bagi meningkatkan produktiviti dan memudahkan orang awam, selaras dengan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan dasar Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 bagi pembangunan transformasi digital ke arah negara pintar dan meningkatkan pertumbuhan sosioekonomi Negara.

KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI



2. PENGGUNA BIJAK: A DIGITAL CONSUMER INFORMATION PLATFORM TO EMPOWER CONSUMERS IN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM Kumpulan Pengguna Bijak Jabatan Hal Ehwal Pengguna Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

AHLI-AHLI

Dayang Heidi Farah Sia binti Abdul Rahman, Pemangku Timbalan Ketua Pengarah

Dayang Nurulizzati binti Haji Jahari, Pegawai Ekonomi Kanan (Pemangku Pengarah Hal Ehwal Pengguna)

Awang Mohammad Hazman bin Haji Alim, Pegawai Ekonomi

Dayang Hajah Ammal Rashidah binti Haji Mohammad Yussof, Pegawai Ekonomi

Dayang Norhafizah binti Haji Awang Ahmad, Penasihat Undang-Undang

Awang Mohammad Izzuddin bin Haji Jahari, Pegawai Ekonomi

Dayang Nabilah binti Suhaimi, Pegawai Ekonomi (*iReady*)

SINOPSIS

The Department of Consumer Affairs (DCA) under the Department of Economic Planning and Statistics (DEPS), Ministry of Finance and Economy (MOFE) is mandated to promote a fair marketplace and safeguard the welfare of consumers in Brunei Darussalam, through enforcing two key legislations: the Price Control Act, Chapter 142 and the Consumer Protection (Fair Trading) Order, 2011.

Over the years, public concern has grown over rising prices for consumer goods and there is a general misconception on the roles of the DCA, DEPS, on alleged price related issues as the public in general has perceived that the regulator has the power to directly intervene on the prices of goods in the market, under the Price Control Act. This belief was in part due to the lack of awareness and understanding on what are the goods justified to be price controlled, the scope of consumer related laws and how consumers can effectively share their concerns through official channels.

Although some of the aforementioned consumer information such as prices of household items, maximum price set by the government and information on price-controlled goods, scope of the laws and the regulator (DCA) were made available on the official website and occasionally through the national newspaper (Pelita Brunei), this information, however, does not effectively reach consumers or the general public. Hence, information asymmetry became an issue hindering consumers' ability to make informed purchase decisions, as businesses may also take advantage of the situation to engage in unfair or unethical conducts. Consequently, consumers' doubts or dissatisfaction were being circulated through viral messages via social media.

In an attempt to address the issue arising from asymmetric information and to improve on the mechanism to communicate to the public, the DCA leveraged on technology to digitalise some consumer information which is deemed to be of high public interest and within resource availability of the DCA. The objective was to make key consumer information more accessible through a convenient and user-friendly platform in a form of a mobile app to reach the public more effectively. This mobile app application, named as PenggunaBijak was first launched on 28 November 2016 as a test to gather feedback. It was later refined and upgraded taking in feedback from users, to keep it relevant by adding new features and functionalities, and was officially launched by the Minister at the Prime Minister's Office and Minister of Finance and Economy II, in December 2022 at the Local Product Expo 2022.

Today, the PenggunaBijak App serves as a valuable innovative solution to enhance public service delivery by providing the public with enhanced price transparency and easy to access relevant information which helps to empower consumers to make informed purchase choices. The functions of the application include access to price information of essential items which are monitored and updated on a weekly basis, prices and information of price-controlled goods, price comparison of key household items, prices of new vehicles, sales and discount activities, consumer advisories and educational resources, enforcement news, as well as a consumer complaints platform to enable concerns to be channelled to the DCA with ease.

To ensure sustainability of the application, the DCA will continue to take effective and innovative steps to remain relevant by meeting the changing market dynamics and people's needs and demands. In line with the MOFE's vision of Progressive Fiscal and Economy Towards A Prosperous Nation, the Digital Economy Master Plan and the Wawasan Brunei 2035, the app aims to enhances consumers' empowerment and promote ethical business conducts through innovation and technology and support the Government's service delivery in striving towards a more dynamic and sustainable economic marketplace.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN



3. *STUDENT ATTENDANCE MANAGEMENT SYSTEM (SAMS)* **Kumpulan Unit Pengurusan Data dan Teknologi (UPDT)** **Jabatan Sekolah-Sekolah**

AHLI-AHLI

Dayang Hajah Maria binti Abdullah, Pegawai Pelajaran Kanan
Awang Mohammad Azmi Firdaus bin Mohamin, Ketua Pembantu Teknik
Awang Faidhilah bin Haji Majit, Ketua Pembantu Teknik
Awang Muhammad Aizat Safwan bin Rosali, Pembantu Teknik
Dayang Nur Ivyana Shim binti Abdullah, Guru

SINOPSIS

SAMS (Student Attendance Management System) ialah salah satu pusat data perisian komprehensif yang direka oleh Unit Pengurusan Data dan Teknologi, Jabatan Sekolah-Sekolah untuk memantau kehadiran seramai 23,981 pelajar Sekolah Rendah Kerajaan, 22,288 pelajar Sekolah Menengah dan 3,264 Pelajar-Pelajar Pusat Tingkatan Enam di Negara Brunei Darussalam. Projek ini dilaksanakan selaras dengan Akta Pendidikan Wajib 2007 yang mewajibkan pelajar-pelajar yang berumur 6 Tahun untuk bersekolah dan untuk mendokong hasrat Wawasan Brunei 2035 untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

SAMS juga digunakan untuk menyelenggara rekod, menjana laporan kehadiran serta mengenalpasti sebab-sebab ketidakhadiran setiap pelajar di institusi Pendidikan khususnya Sekolah-sekolah Kerajaan (Peringkat Rendah, Menengah dan Pusat Tingkatan Enam) di Negara Brunei Darussalam. Sehubungan dengan ini, data kehadiran pelajar-pelajar akan lebih teratur dan sistematik untuk diguna pakai oleh pihak sekolah dan juga Jabatan-Jabatan dibawah kawalan Kementerian Pendidikan. Justeru itu, data-data yang diperolehi telah membantu pihak sekolah dan Jabatan Sekolah-Sekolah untuk mengenalpasti isu-isu yang menyumbang kepada peningkatan peratus ketidakhadiran dan membantu pihak-pihak berkenaan merancang strategi intervensi yang lebih terarah dan berkesan. Hasil maklum balas dari pihak sekolah menyatakan bahawa SAMS telah membantu pihak sekolah untuk memantau kehadiran pelajar dan mengenalpasti sebab ketidakhadiran pelajar dan seterusnya membantu pihak sekolah untuk menangani isu ketidakhadiran. SAMS telah berjaya membantu meningkatkan peratus kedatangan pelajar kepada 85% seperti yang disasarkan oleh Kementerian Pendidikan dan juga telah memberi impak yang positif kepada pelajar, pihak sekolah, ibubapa, Kementerian Pendidikan dan pihak-pihak yang berkepentingan.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN



4. PROSES PERMOHONAN PELAJAR BERPINDAH / BERTUKAR KE SEKOLAH KERAJAAN SECARA ATAS TALIAN (ONLINE) Kumpulan UKPP (Untuk Kesejahteraan Pelajar-Pelajar) Unit Kesejahteraan dan Perkembangan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Sekolah-Sekolah

AHLI-AHLI

Pengiran Ali Shafie bin Pengiran Haji Abas, Pemangku Penolong Pengarah
Dayang Siti Hajar binti Haji Khamis, Pegawai Pelajaran
Dayang Hajah Noridah binti Haji Japar, Pegawai Pendidikan

SINOPSIS

Perpindahan atau pertukaran pelajar dari sebuah sekolah ke sekolah di bawah kawalan Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan adalah merupakan perkara yang lazim berlaku sepanjang tahun. Perkara ini adalah salah satu peranan Unit Kesejahteraan dan Perkembangan Pelajar (UKPP), Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan.

Perpindahan atau pertukaran sekolah ini juga melibatkan beberapa pihak lain iaitu Jabatan Pendidikan Swasta, Jabatan Pengajian Islam dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah kerana melibatkan pelajar-pelajar daripada sekolah-sekolah swasta, sekolah-sekolah agama dan Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Selain itu, ibubapa / penjaga yang menamatkan perkhidmatan diluar negeri dan ibubapa / penjaga dari luar negeri yang bertugas di Negara Brunei Darussalam yang berhasrat untuk menyekolahkan anak-anak mereka juga dikendalikan oleh UKPP. UKPP berperanan untuk memproses permohonan berpindah dan bertukar ke sekolah-sekolah Kerajaan dengan menggunakan kaedah manual iaitu ibubapa mengambil borang di Jabatan Sekolah-Sekolah, mendapatkan pengesahan daripada pemimpin-pemimpin sekolah yang terlibat dan seterusnya mengembalikannya ke Jabatan Sekolah-Sekolah untuk diproses. Pada setiap tahun, UKPP menerima lebih seribu permohonan berpindah dan bertukar ke sekolah-sekolah Kerajaan. Bagi memproses permohonan ini, memerlukan tempoh masa untuk melengkapkan proses-proses termasuk perjumpaan ibubapa / penjaga dan pemimpin sekolah, dan penyediaan dokumen-dokumen. Kaedah ini akan diperbaiki melalui satu projek pendigitalan dengan menggunakan kaedah atas talian (*online*). Borang-borang akan dimuat naik di dalam sesawang dan garispandu permohonan akan diberigakan bagi pemohon. Projek ini sangat-sangat diharapkan dapat mempercepatkan proses, memudahkan ibubapa / penjaga dan mengurangkan perbelanjaan Kerajaan. Projek ini juga akan sentiasa dipantau dan diperbaiki bagi memastikan proses berjalan dengan cepat, lancar, mudah, kos efektif dan mesra pelanggan sesuai dengan peranan UKPP mensejahterakan pelajar.

KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN



5. PENINGKATAN KAPASITI MAKMAL VETERINAR BAGI TUJUAN PENGEKSPORTAN TELUR AYAM

**Kumpulan VLS (*Veterinary Laboratory Services*)
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan**

AHLI-AHLI

Awang Abuzar bin Haji Md Tahir, Timbalan Pengarah Pertanian dan
Agrimakanan

Dayang Diana Dennis, Pegawai Pemeliharaan Ternakan Kanan

Awang Haji Mohammad Al-Zamiluddin bin Haji Ahmad, Pegawai
Pemeliharaan Ternakan Kanan

Dayang Hamsiah binti Mohd Saat, Pegawai Pemeliharaan Ternakan Kanan

Awang Maidin bin Haji Salleh, Pegawai Pemeliharaan Ternakan

Dayang Syahierah binti Haji Japar, Ketua Juruteknik Makmal

Dayang Nura Faiza binti Noor Azam, Ketua Juruteknik Makmal

Dayang Hajah Sufiana binti Haji Metussin, Pembantu Ternakan Kanan

Dayang Suriani binti Chandi, Pembantu Ternakan Kanan

Dayang Farahanah binti Mohd Nur Izzat, Pembantu Haiwan Kanan

Dayang Haruzie @ Rozi binti Kifle, Pembantu Haiwan

SINOPSIS

Melalui Pelan Strategik Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, dan dengan menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan perlu meningkatkan pendapatan Negara melalui pertukaran wang asing yang dijana daripada aktiviti eksport dan meningkatkan sumbangan keluaran industri pertanian kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

Kadar pertumbuhan keluaran hasil ternakan meningkat 1.07% setahun dengan nilai keluaran kasar industri ternakan berjumlah \$237.39 juta pada tahun 2019. Keluaran industri ternakan ini disasarkan secara keseluruhan sebanyak \$348.51 juta dan telah menepati sasaran dan halatuju pelan strategik Jabatan iaitu Rancangan Pembangunan Industri Ternakan bagi Menjana Pengeluaran \$106.8 juta kepada \$300 juta pada Tahun 2022.

Antara persyaratan eksport ialah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan perlu bersedia menjadi *Competent Authority* yang memenuhi serta melengkapi keperluan negara pengimport. Ini termasuk penglibatan multi-sektoral di bawah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Antaranya ialah pengukuhan dan memperkasakan akta dan dasar, program pemantauan di ladang dan pusat penyembelihan, penyelarasan prosedur eksport, melaksanakan *Good Animal Husbandry Practices* (GAHP), program kawalan kesihatan dan penyakit ternakan, program akreditasi pengusaha pengeksport, permohonan sijil bebas penyakit (*Export Health Certificate*) dan keupayaan pemeriksaan makmal diagnostik dan perkhidmatan kawalan kualiti yang diiktiraf melalui ISO/IEC 17025.

Unit Perkhidmatan Makmal Veterinar (UPMV) melalui Rancangan Kemajuan Negara kali ke-11 (RKN 11) telah menaiktaraf bangunan makmal, melengkapkan fasiliti makmal dan memenuhi persyaratan pemeriksaan dan penganalisan ke atas komoditi telur ayam melalui pembekalan mesin pemeriksaan yang berteknologi tinggi.

Tanpa kerjasama dari pelbagai sektor, program eksport ke negara Singapura tidak akan terlaksana dengan sempurna. Oleh itu, peranan Jabatan sebagai *competent authority* adalah begitu signifikan untuk merealisasikan harapan Negara dan impian tersebut Alhamdulillah telah terlaksana dengan jayanya.

KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN



6. PROJEK PENINGKATAN PENGELUARAN PADI DAN BERAS MELALUI PENINGKATAN PRODUKTIVITI TANAMAN

**Kumpulan Rice Up!
Bahagian Industri Padi
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan**

AHLI-AHLI

Dayang Khairunnisa binti Haji Omar Ali, Ahli Pembiakan Tumbuhan Kanan
Awang Sheikh Mohamad Radzi bin Dato Paduka Sheikh Haji Adnan, Ahli
Pembiakan Tumbuhan Kanan

Dayang Bibi Khadizah binti Haji Rusli, Juruekopertanian

Dayang Masjuwita binti Haji Muhin, Juruekopertanian

Awang Muhammad Najib bin Haji Zakaria, Jurukultura Kebunan

Dayang Siti Hamizah binti Haji Zinal Abadin, Juruekopertanian

Awang Abdul Azim bin Wang Tujoh, Juruteknik Padi

Dayang Erney @ Meria binti Tanam, Juruteknik Padi

Dayang Khairunnisa binti Haji Abd.Karim, Pekerja Tingkat Khas

SINOPSIS

Sejak tahun 2008, usaha bagi menangani isu sekuriti makanan Negara melalui peningkatan pengeluaran beras domestik masih giat dilaksanakan.

Secara umumnya, terdapat peningkatan yang positif dicatatkan bagi pengeluaran beras Negara, namun peningkatan yang lebih cepat diperlukan bagi menangani isu sekuriti makanan Negara. Terdapat cabaran-cabaran yang dihadapi yang menghalang peningkatan yang lebih signifikan kepada pengeluaran beras Negara. Ini termasuk tapak sesuai bagi penanaman padi yang terhad, produktiviti padi yang rendah dan kurangnya penyertaan belia-belia dalam perusahaan padi disebabkan kadar keuntungan yang rendah. Projek peningkatan pengeluaran padi dan beras melalui peningkatan produktiviti tanaman ini bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran padi dengan lebih cepat walaupun dengan cabaran-cabaran tersebut. Projek ini melibatkan pengenalanpastian varieti padi berhasil tinggi yang sesuai ditanam di negara ini dan program perlaksanaan penanaman padi ini ke kawasan-kawasan yang disasarkan iaitu kawasan-kawasan penanaman padi yang mempunyai sistem pengairan yang lengkap. Melalui projek ini, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah berjaya mengenal pasti varieti padi Sembada 188 sebagai varieti padi berhasil tinggi yang akan disyorkan bagi penanaman padi di kawasan-kawasan yang disasarkan. Projek ini juga melibatkan penanaman padi Sembada 188 secara berperingkat-peringkat untuk mengelakkan kesan-kesan negatif diluar jangkaan timbul seperti masalah penyakit dan musuh perosak tanaman akibat penukaran varieti yang terlalu mendadak. Projek ini berjaya mencapai objektif yang ditetapkan iaitu meningkatkan pengeluaran padi daripada Kawasan Kemajuan Pertanian Wasan kepada 1,168 tan metrik padi semusim yang mana adalah bersamaan dengan 700.7 tan metrik beras atau 2.30% daripada keperluan sara diri Negara; meningkatkan produktiviti peladang daripada 3 tan metrik sehektar semusim kepada 6.1 tan metrik padi sehektar semusim; meningkatkan pendapatan pengusaha daripada BND4,800 sehektar semusim kepada BND9,760 sehektar semusim dan meningkatkan pendapatan pengusaha daripada BND166.03 sehektar sebulan kepada BND867.53 sehektar sebulan. Dengan pencapaian ini, diharap akan terus meningkatkan tahap sekuriti makanan Negara dan menjadikan perusahaan padi lebih menarik kepada golongan belia tempatan bagi memastikan industri padi kekal berdaya tahan bagi jangka masa yang panjang.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN



7. CONTRACTOR SCORING ASSESSMENT

Kumpulan SKALA

Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI)

AHLI-AHLI

Dayang Hajah Kam'aini binti Haji Abdul Karim, Jurutera

Dayangku Nuraqil Najibah binti Pengiran Mohd Yassin, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II

Dayang Siti Nurzafirah binti Haji Mohd Noor, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II

Dayangku Mas Margahayatte binti Pengiran Haji Adanan, Penolong Pegawai Projek Tingkat I

Awang Muhammad Syufiq bin Abdul Aziz, Pelajar Penempatan Universiti Teknologi Brunei

Awang Mohamad Adib bin Maimon, Pelajar Penempatan Universiti Teknologi Brunei

SINOPSIS

Selaras kehendak Pelan Strategik Kementerian Pembangunan 2018-2023, Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI) memainkan peranan utama dalam Pembangunan Perniagaan Tempatan (LBD).

Dalam usaha ini, salah satu program yang dilaksanakan dalam rangkaian MOD, LBD *Framework* adalah *Contractor Scoring Assessment* (CSA), yang bertujuan untuk menerapkan kriteria LBD, salah satu penunjuk prestasi utama dalam LBD *Circular* 2019 ke dalam Laporan Siap Kerja secara atas talian.

Bagaimanapun sejak pelaksanaan CSA pada Mac 2020, pengisian CSA adalah di tahap yang minima, yang telah membuat pengumpulan maklumat berkaitan dengan LBD tidak tercapai seperti yang dirancang. Dengan berakhirnya tempoh LBD *Circular* 2019-2023, Jawatankuasa Pembangunan Perniagaan Tempatan (JK LBD) telah mengesyorkan penambahbaikan CSA ini dalam mencapai matlamat CSA yang dihasratkan.

Bagi mereviu semula CSA ini, terdapat cabaran termasuk keperluan peruntukan dan keupayaan IT. Dalam hal ini, pihak ABCi sedia maklum bahawa pihak UTB mempunyai kemahiran IT. Oleh yang demikian pihak ABCi telah memohon bagi penempatan pelajar yang mana adalah diketahui mereka mempunyai potensi untuk menyumbangkan inovasi terhadap penambahbaikan CSA ini. Dengan penempatan pelajar ini, tertubuhlah kumpulan Skala yang mempunyai ahli dari pihak ABCi dan juga penempatan pelajar UTB di bawah bimbingan pengurusan ABCi.

Dengan kejayaan pengumpulan maklumat itu nanti, bukan sahaja maklumat mengenai dengan LBD bahkan akan membantu Autoriti ini dalam menilai prestasi kontraktor dalam pelbagai aspek dalam melaksanakan projek kerajaan secara umum. Hasrat ABCi juga bagi sistem CSA versi 2.0 ini untuk dapat menjadikan platform dalam merancang dan melaksanakan pembaharuan bagi pertumbuhan ekonomi secara kasar di bawah Sektor Industri Pembinaan, Brunei Darussalam. Dengan keberhasilan ini juga, sistem CSA ini akan dilaratkan kepada projek-projek swasta menjelang tahun 2030.

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA



8. PEMERKASAAN PERKHIDMATAN DAN PENGURUSAN KAFA BAGI MENANGANI PEMIKIRAN EKSTREM Kumpulan Unit KAFA Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama (KAFA), Pejabat Setiausaha Tetap

AHLI-AHLI

Awang Haji Saharuddin bin Haji Petra, Pegawai Ugama Kanan
Awangku Muhammad Muzahaffar bin Pengiran Haji Rusjdi, Pegawai
Penyelidik

SINOPSIS

Projek Khazanah 'Ilmiyyah adalah sebuah projek hasil usahasama semua tenaga pengajar Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan (SPABSB), yang dimuatkan di dalam satu platform *Microsoft Sway* secara dalam talian pada halaman pautan <https://bit.ly/SPABSBsway>. (Lampiran A) Halaman tersebut memaparkan bahan-bahan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) yang disediakan oleh para tenaga pengajar berbentuk nota dan video penerangan serta latihan interaktif tajuk-tajuk pembelajaran ke sebelas mata pelajaran yang diajarkan di sekolah iaitu Bahasa Arab, Al-Quran, At-Tarbiyah Islamiyyah, Amali Ugama, Khat, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Bahasa Melayu, Melayu Islam Beraja dan Social Studies.

lanya boleh diakses oleh sesiapa sahaja pada bila-bila masa tanpa pengesahan email atau kata laluan. Projek ini sejajar dengan keperluan semasa pendidikan sebagai satu sumber rasmi pengumpulan bahan-bahan P&P secara berpusat, yang mana input tersebut sudah pun tersedia sedari waktu Pembelajaran Secara Dalam Talian (*Online Learning*) lagi. Pihak komiti projek juga memandang kepada realistik projek yang mana guru-guru dan sebahagian pelajar yang memerlukan telah dibekalkan dengan kemudahan komputer riba dan data Internet. Projek ini juga rasionalnya amat bertepatan dengan matlamat Wawasan Brunei 2035, Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Pelan Transformasi Digital Kementerian Pendidikan ke arah pendidikan berasaskan teknologi semasa, terutamanya kaedah Pembelajaran Teradun (*Blended Learning*). Alhamdulillah pada waktu ini, di SPABSB sahaja penggunaan platform *Microsoft Sway* Khazanah 'Ilmiyyah di dalam pengajaran guru dalam bilik darjah adalah sebanyak 70%. Pemberigaan platform kepada pelajar, ibubapa dan penjaga juga masih giat dijalankan bagi menormalisasikan pelajar mengulang kaji secara sendiri di rumah masing-masing. Di samping kelebihan yang disenaraikan, cabaran untuk memampankan projek ini juga turut dikenal pasti dan penekanan penggunaan warga sekolah di tahap maksimum akan sentiasa dipantau dan diusahakan, Insya Allah.

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA



9. KHAZANAH 'ILMIYYAH Kumpulan Al-Mutaqaddimun Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan Jabatan Pengajian Islam

AHLI-AHLI

Dayang Siti Noorani binti Haji Norali, Pegawai Pendidikan Ugama
Pengiran Hasinol Zamri bin Pengiran Haji Piut, Pegawai Pendidikan Ugama
Dayang Hajah Siti Rozaimah binti Haji Abdul Wahid, Pegawai Pendidikan Ugama
Dayang Siti Suriani binti Rashid, Pegawai Pendidikan Ugama
Dayang Siti Abidah binti Haji Mohammad Din, Pegawai Pendidikan Ugama
Dayang Nurul Qurratu'aini binti Haji Pungut, Pegawai Pelajaran
Awang Muhammad Wafuddin binti Haji Wahid, Pegawai Pelajaran
Dayang Taahirah @ Zahidah binti Haji Suleiman, Pegawai Pelajaran
Dayang Nurfatriah binti Haji Mahadi, Pegawai Pelajaran

SINOPSIS

Projek Khazanah 'Ilmiyyah adalah sebuah projek hasil usahasama semua tenaga pengajar Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan (SPABSB), yang dimuatkan di dalam satu platform *Microsoft Sway* secara dalam talian pada halaman pautan <https://bit.ly/SPABSBsway>. (Lampiran A) Halaman tersebut memaparkan bahan-bahan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) yang disediakan oleh para tenaga pengajar berbentuk nota dan video penerangan serta latihan interaktif tajuk-tajuk pembelajaran ke sebelas mata pelajaran yang diajarkan di sekolah iaitu Bahasa Arab, Al-Quran, At-Tarbiyah Al-Islamiyyah, Amali Ugama, Khat, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Bahasa Melayu, Melayu Islam Beraja dan *Social Studies*. Ianya boleh diakses oleh sesiapa sahaja pada bila-bila masa tanpa pengesahan email atau kata laluan. Projek ini sejajar dengan keperluan semasa pendidikan sebagai satu sumber rasmi pengumpulan bahan-bahan P&P secara berpusat, yang mana input tersebut sudah pun tersedia sedari waktu Pembelajaran Secara Dalam Talian (*Online Learning*) lagi. Pihak komiti projek juga memandang kepada realistik projek yang mana guru-guru dan sebahagian pelajar yang memerlukan telah dibekalkan dengan kemudahan komputer riba dan data Internet. Projek ini juga rasionalnya amat bertepatan dengan matlamat Wawasan Brunei 2035, Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Pelan Transformasi Digital Kementerian Pendidikan ke arah pendidikan berasaskan teknologi semasa, terutamanya kaedah Pembelajaran Teradun (*Blended Learning*). Alhamdulillah pada waktu ini, di SPABSB sahaja penggunaan platform *Microsoft Sway* Khazanah 'Ilmiyyah di dalam pengajaran guru dalam bilik darjah adalah sebanyak 70%. Pemberigaan platform kepada pelajar, ibubapa dan penjaga juga masih giat dijalankan bagi menormalisasikan pelajar mengulang kaji secara sendiri di rumah masing-masing. Di samping kelebihan yang disenaraikan, cabaran untuk memampankan projek ini juga turut dikenal pasti dan penekanan penggunaan warga sekolah di tahap maksimum akan sentiasa dipantau dan diusahakan, Insya Allah.

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA



10. SISTEM PEMANTAUAN KEHADIRAN PELAJAR (SPKP) Kumpulan Al-Mubtakirun Jabatan Pengajian Islam

AHLI-AHLI

Awang Izwandy bin Haji Hamdan, Pegawai Pelajaran Kanan
Dayang Hajah Salmah binti Haji Ahmad, Pegawai Pelajaran Kanan
Awang Sabri Amirul Hafiz bin Haji Yunos, Pegawai Pelajaran
Dayang Siti Zauyah binti Daud / Awang Daud, Pegawai Ugama
Awang Muhamad Dahrin bin Daud, Pegawai Pelajaran
Awang Khairul @ Muhammad Zakwan bin Haji Julay, Pegawai Pelajaran
Awangku Mohammad Najib bin Pengiran Haji Abu Bakar, Guru Ugama
Tingkat II
Awang Abdul Rasyiid bin Haji Maksin, Guru Ugama Terlatih Tingkat Khas
Awang Mohammad Nuramin bin Shahdi, Pengendali Sistem

SINOPSIS

Jabatan Pengajian Islam Kementerian Hal Ehwal Ugama bertanggungjawab memartabatkan pendidikan Islam di Negara Brunei Darussalam melalui sistem pendidikan ugama secara formal dengan memastikan perkhidmatan dan urus tadbir pendidikan terus diperkukuh dan dipertingkatkan.

Selain itu, pelaksanaan inisiatif-inisiatif Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama (RS KHEU) 2020-2024 dalam Fokus Strategik Pendidikan Ugama/ Arab Berkesan turut mengambil peranan yang penting ke arah melahirkan rakyat yang berilmu, beriman, beramal soleh dan berakhlak mulia dengan menjalankan program-program yang lebih inovatif, efisien dan dinamik.

Pemantauan Kehadiran Pelajar merupakan salah satu inisiatif yang dilaksanakan bagi memastikan sasaran RS KHEU 2020-2024 khususnya KPI 1.3 Peratus Peningkatan Pencapaian Peperiksaan Awam akan dapat dicapai selaras dengan objektif yang ditetapkan. Inisiatif tersebut bertujuan untuk memastikan kehadiran pelajar di persekolahan Arab dan Ugama seluruh negara dipantau secara berterusan agar proses pembelajaran dapat berjalan dengan baik dan lancar.

Bagi merealisasikan pelaksanaan pemantauan kehadiran pelajar secara berterusan, Jabatan Pengajian Islam telah membangun satu sistem secara *in-house* iaitu Sistem Pemantauan Kehadiran Pelajar (SPKP). Sistem ini merupakan projek ke arah transformasi pengurusan dan pentadbiran secara berpusat yang mula diperkenalkan dan diguna pakai pada tahun 2021.

Projek tersebut juga merupakan salah satu usaha Jabatan Pengajian Islam bagi mendukung Pelan Transformasi Digital Kementerian Hal Ehwal Ugama ke arah mencapai matlamat Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 (DE 2025) untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Pintar melalui transformasi digital.

Dengan kejayaan pelaksanaan sistem tersebut, Jabatan Pengajian Islam terus mengorak langkah ke arah mengembangluaskan kaedah pengumpulan data secara berpusat dalam proses kerja lain yang relevan.

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA



11. PENJUALAN DAN PEMBAYARAN BUKU-BUKU PERSEKOLAHAN UGAMA SECARA DALAM TALIAN **Kumpulan Al-Murtaqa** **Jabatan Pengajian Islam**

AHLI-AHLI

Awang Haji Johar bin Haji Jumat, Pegawai Pelajaran Ugama Kanan / Ketua Bahagian Kurikulum

Dayangku Salmiah binti Pengiran Haji Shamsuddin, Pegawai Pelajaran

Awang Zaini bin Haji Abd Rahman, Pegawai Pelajaran

Awang Sahril bin Haji Suboh, Pegawai Pelajaran

Awang Hasmanan bin Haji Md Noor, Guru Ugama Terlatih Tingkat Khas

Dayang Norizzatie binti Haji Jamil, Penolong Pegawai Buku Teks dan Kurikulum

SINOPSIS

Setelah lebih kurang dua tahun Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam mengadakan perkhidmatan penjualan buku-buku persekolahan Ugama melalui kaunter, pihak Jabatan seterusnya merancang melaksanakan perkhidmatan tersebut secara dalam talian sebagai usaha mengatasi beberapa masalah dan isu yang dihadapi di sepanjang ianya dilaksanakan.

Pelaksanaan rancangan tersebut perlu disegerakan yang kemudiannya didesak lagi oleh situasi penularan pandemik COVID-19 yang melanda global termasuk negara kita.

Oleh itu, pada 1hb November 2021, perkhidmatan penjualan dan pembayaran buku-buku persekolahan agama secara dalam talian telah mula dilaksanakan sebagai usaha mempertingkatkan kecekapan (*efficiency*) perkhidmatan pendidikan agama di Negara Brunei Darussalam di samping bagi memenuhi keperluan dan memudahkan urusan pelanggan. Sebagai hasilnya, Alhamdulillah, pelaksanaan perkhidmatan baru tersebut telah memberikan impak positif bukan sahaja kepada pihak ibubapa dan orang ramai yang berurusan tetapi juga kepada pihak pengendali. Ianya telah dapat mengatasi banyak masalah antaranya keperluan letak kereta, kemudahan perhubungan dan komunikasi, waktu operasi yang fleksible serta pilihan kaedah pembayaran.

Sebagai inisiatif berterusan pihak Jabatan dalam mendukung usaha Kerajaan bagi pelaksanaan Pelan Induk Ekonomi Digital 2025, rancangan penambahbaikan perkhidmatan telah dipikirkan untuk diungkayahkan secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan. Antaranya termasuklah penambahan pilihan bank bagi penerimaan pembayaran secara dalam talian, penambahan pilihan kaedah pembayaran secara dalam talian, mengenalpasti beberapa kedai buku atau syarikat yang bersesuaian untuk dijadikan lokasi penjualan buku di keempat-empat Daerah, menggunakan laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Ugama atau yang khusus bagi perkhidmatan penjualan dan pembayaran buku-buku secara dalam talian dan mengaturkan khidmat penghantaran buku kepada pelanggan dengan caj tambahan.



12. PROJEK CLICK-AND-BID Kumpulan Lakas dengan Klik! Jabatan Pengangkutan Darat

AHLI-AHLI

Awang Nor Muhammad Iqral bin Abdul Hamid, Penolong Ketua Pos Agung
Dayang Norramemi binti Sahari, Jurutera Sistem
Dayangku Siti Nur Halimatul Saadiah binti Pengiran Haji Abdul Rahman, Ketua
Pegawai Melesen

SINOPSIS

Tanda Pengenalan Kenderaan (TPK), atau plat nombor kenderaan, adalah bilangan unik yang digunakan bagi identifikasi kenderaan yang didaftarkan di Negara Brunei Darussalam. Orang ramai bagi kegunaan pendaftaran kenderaan boleh mendapatkan TPK melalui perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh JPD.

Perkhidmatan Tawaran Tertutup TPK adalah proses pertama bagi orang ramai memperolehi TPK yang mana sebelum projek ini, perkhidmatan ini mengambil masa 3-6 bulan untuk diproses dan menyebabkan orang ramai terpaksa menunggu lama untuk mendapatkan TPK yang telah ditender.

Dengan penjenamaan dipanggil, *Click-and-Bid*, objektif utama projek ini adalah bagi menyediakan platform digital untuk menambahbaik perkhidmatan Tawaran Tertutup TPK dengan proses yang lebih cepat dan selamat yang mana sebelumnya adalah menggunakan proses manual di mana orang ramai perlu mengisi borang kertas dan memasukan ke dalam peti tawaran sebutharga.

Sejak mula dilancarkan pada 10hb September 2022 dengan kos pelaksanaan projek sebanyak \$17,880.00, penjanaan hasil Tawaran Tertutup bagi Tahun Kewangan 2022/2023 melalui penggunaan sistem ini telah mencapai sebanyak \$1,233,286.12 dalam tempoh 5 bulan.

Selain daripada itu, terdapat banyak nilai tambah yang telah dihasilkan dan dilaksanakan ke atas perkhidmatan ini yang mana adalah kunci utama pengurangan purata 92% dari 83 hari memproses ke 6 hari sahaja.

Ciri-ciri inovasi yang diterapkan di dalam projek telah menggantikan kaedah-kaedah lama seperti membuka sampul, menyusun kertas, tandatangan manual, *data-entry* kepada kaedah yang lebih cepat dan mudah. Penjimatan dari kaedah lama yang menelan kos operasi hampir \$50,000 ini telah ditiadakan dan diganti dengan penerapan digitalisasi lebih sistematik dan teratur.

3PSA

**PROGRAM
PENGGREDAAN
PRESTASI
SEKTOR AWAM**

PROGRAM PENGREDAN PRESTASI SEKTOR AWAM (3PSA) MELALUI PENARAFAN BINTANG

PENGERTIAN DAN OBJEKTIF 3PSA

PENGERTIAN	OBJEKTIF
• Sistem penilaian yang memberikan pengiktirafan / penghargaan kepada agensi kerajaan yang telah berusaha ke arah peningkatan kecekapan, keberkesanan, prestasi, produktiviti dan kualiti penyampaian perkhidmatan • Pengiktirafan / penghargaan – ciri penting dalam menggalakkan usaha penambahbaikan / pembaharuan yang berterusan dalam Perkhidmatan Awam • Memberi dorongan / motivasi di kalangan agensi kerajaan / warga Perkhidmatan Awam ke arah mencapai matlamat Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 dan Wawasan Brunei 2035	Menilai / Mengukur Prestasi Menilai / mengukur prestasi agensi kerajaan ke arah memastikan penyampaian perkhidmatan di tahap cemerlang 01
	Persaingan Sihat Menggalakkan persaingan sihat antara agensi kerajaan – pengurusan organisasi & penyampaian perkhidmatan lebih cekap & berkesan 02
	Prestasi, Kualiti, Produktiviti Meningkatkan kesedaran – kepentingan untuk meningkatkan prestasi, kualiti dan produktiviti kerja 03
	Usaha Penambahbaikan / Pembaharuan Membantu memberkesankan usaha penambahbaikan/pembaharuan yang telah/sedang/diaksanakan dalam Perkhidmatan Awam 04
	Promosi Promosi meluas mengenai dasar, strategi, mekanisme dan amalan terbaik untuk dijadikan sebagai benchmark Perkhidmatan Awam 05
	Penghargaan & Pengiktirafan Memberi penghargaan & pengiktirafan agensi kerajaan yang menunjukkan tahap urus tadbir terbaik & meningkatkan kualiti perkhidmatan yang unggul 06

SKOP PENILAIAN 3PSA

3PSA menilai dua (2) dimensi iaitu :-

1. Pembolehdaya (*enablers*) dan
2. Pencapaian (*results*).

Wajaran (*weightage*) telah ditetapkan bagi setiap dimensi, iaitu 40% bagi *enablers* dan 60% bagi *results*.

Setiap dimensi dibahagikan kepada empat (4) skop yang sama iaitu :-

- Skop 1: Strategi dan Pelaksanaan;
- Skop 2: Dasar dan Pelaksanaan;
- Skop 3: Sumber Manusia; dan
- Skop 4: Pemeduliaan Pelanggan.



Rajah 1 - Skop Penilaian 3PSA

Skop penilaian ini selaras dengan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Perkhidmatan Awam ke-22 pada 24 November 2015, antara lain:

“Pemimpin yang berkualiti bukan saja **MEMPUNYAI WAWASAN DAN HALA TUJU YANG JELAS**, tetapi juga mempunyai kerajinan dan kesungguhan untuk **MELAKUKAN APA SAJA PEMBAIKAN ATAU PEMBAHARUAN YANG PERLU**. Mereka sanggup turun padang untuk melihat apa-apa yang perlu ditangani dan diperbaiki.

Inilah sifat pemimpin atau pegawai yang bagus.

Kejayaan pemimpin atau pegawai dapat diukur dari cara mereka **MENANGANI TUGAS DAN MEMBIMBING ORANG-ORANG DI BAWAH MEREKA**. Ini sangat penting, bagi memastikan segala rancangan dan matlamat dapat dicapai dengan sempurna.

Dalam aktiviti perekonomian umpamanya, warga perkhidmatan awam sangat **PERLU MEMAHAMI KEPERLUAN ORANG RAMAI**, terutama para usahawan dan pelabur. Mereka ini sentiasa berhajatkan layanan dan pimpinan terbaik, sempurna dan cepat. Jika kita gagal, bererti ini adalah kegagalan kerajaan.”

PENCAPAIAN 3PSA

Penilaian 3PSA pada peringkat awal mengutamakan agensi-agensi yang banyak berurusan dengan orang ramai dan seterusnya dilaratkan kepada agensi-agensi yang kurang berurusan dengan orang ramai. Sejak Tahun Kewangan 2016/2017 sehingga Tahun Kewangan 2022/2023, sebanyak 48 agensi telah dilaksanakan penilaian termasuk 14 agensi dilaksanakan penilaian susulan.


Hasil daripada penilaian dan penelitian tersebut, Jabatan Perdana Menteri telah memberi pengesahan bagi agensi-agensi kerajaan yang memperolehi pencapaian di tahap Baik (3 bintang) dan ke atas untuk menerima anugerah semasa Hari Perkhidmatan Awam (Jadual 1).

Agensi	Tahap Pencapaian	Penarafan Bintang	Tahun Penilaian
Jabatan Perkhidmatan Makmal	Sangat Baik	★★★★	2021/2022
Jabatan Kastam dan Eksais Diraja	Baik	★★★	2019/2020
Jabatan Perkhidmatan Elektrik	Baik	★★★	2019/2020
Jabatan Ukur	Baik	★★★	2019/2020
Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan	Baik	★★★	2019/2020
Jabatan Perkhidmatan Awam	Baik	★★★	2018/2019
Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	Baik	★★★	2018/2019
Jabatan Buruh	Baik	★★★	2017/2018
Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan	Baik	★★★	2017/2018
Jabatan Hal Ehwal Syariah	Baik	★★★	2016/2017
Jabatan Perancang Bandar dan Desa	Baik	★★★	2016/2017
Jabatan Tanah	Baik	★★★	2016/2017
Jabatan Perkhidmatan Farmasi	Baik	★★★	2016/2017

Jadual 1 - Senarai Agensi-Agensi Kerajaan Yang Menerima Anugerah Semasa Hari Perkhidmatan Awam

Melalui penilaian 3PSA yang telah dilaksanakan dalam tempoh enam (6) tahun kebelakangan, mendapati tiada agensi yang memperolehi pencapaian di tahap Cemerlang (5 bintang). Pencapaian tertinggi agensi yang dinilai adalah 78.0% iaitu di tahap Sangat Baik (4 bintang), bagaimanapun jurang untuk mencapai ke tahap Cemerlang adalah 13%.

Manakala, pencapaian terendah agensi yang dinilai secara purata adalah 35.3% iaitu di tahap Memerlukan Pembaikan (1 bintang) dan jurang untuk mencapai tahap Cemerlang adalah 55.7%.



Rajah 3 - Purata Pencapaian Agensi Mengikut Tahap Bintang

KESIMPULAN

Dengan terlaksananya 3PSA ini diharap akan memberikan impak yang positif terhadap Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam, selain menggalakkan pendekatan *results oriented* dan persaingan sihat antara agensi kerajaan. Sesuai dengan hasrat pengenalanannya, 3PSA dapat digunakan sebagai *diagnostic tools* untuk mengenal pasti kekuatan dan peluang untuk penambahbaikan (*opportunities for improvement*) serta memberikan preskriptif pembaikan.

APCPA

**ANUGERAH
PEKERJA
CEMERLANG
PERKHIDMATAN
AWAM**

PENGENALAN

Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) ini julung kali diadakan bagi seluruh Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya bersempena dengan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-17, Tahun 2010.

APCPA ini merupakan penghargaan dan pengiktirafan kepada warga Perkhidmatan Awam yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang. Kualiti dan penghasilan kerja pegawai dan kakitangan berkenaan seringkali melebihi daripada keperluan tugas dan tanggungjawab jawatan serta mempunyai keperibadian yang boleh dicontohi oleh pegawai dan kakitangan yang lain.

OBJEKTIF

- ◆ Untuk menggalakkan dan meningkatkan kesedaran tentang perlunya peningkatan prestasi, produktiviti dan kualiti dalam Kementerian atau Jabatan khususnya dan Perkhidmatan Awam umumnya. Di samping itu juga, ianya dihasratkan akan mewujudkan dan menanai budaya kerja cemerlang dalam Perkhidmatan Awam.
- ◆ Untuk memberikan dorongan dan pengiktirafan secara rasmi kepada warga Perkhidmatan Awam yang telah menunjukkan prestasi kerja yang tinggi dan bermutu, serta dapat menjadi contoh kepada pegawai dan kakitangan yang lain untuk berusaha ke arah meningkatkan lagi prestasi kerja, produktiviti dan kualiti perkhidmatan masing-masing.
- ◆ Untuk memberikan pengiktirafan kepada pegawai dan kakitangan Kementerian atau Jabatan yang telah menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan cemerlang serta berupaya memperkenalkan beberapa inisiatif dan usaha bagi peningkatan produktiviti dan kualiti perkhidmatan.
- ◆ Untuk memupuk dan meningkatkan iltizam, daya kreativiti di kalangan pegawai dan kakitangan dalam aspek peningkatan produktiviti dan kualiti dan sekaligus meningkatkan prestasi, produktiviti dan kualiti dalam Perkhidmatan Awam.
- ◆ Untuk menggalakkan persaingan yang sihat di kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian atau Jabatan bagi memperbaiki lagi amalan pengurusan yang produktif dan berkualiti yang menjurus ke arah meningkatkan iltizam dan penghayatan budaya kerja cemerlang di kalangan warga Perkhidmatan Awam.

- ◆ Untuk mewujudkan nilai tambah (*added value*) kepada Perkhidmatan Awam agar lebih cekap dan berkesan dalam melaksanakan peranan serta tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

KRITERIA PEMILIHAN APCPA BAGI BAHAGIAN II

Kriteria yang digunakan dalam menilai dan memilih pegawai yang menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang ditumpukan kepada ciri-ciri penting yang dijadikan asas kepada prestasi kerja pegawai termasuklah mempunyai penilaian prestasi di tahap Cemerlang dua (2) tahun berturut-turut dan bersih dari tapisan keselamatan.

Pegawai dalam Bahagian II dinilai berdasarkan kepada sumbangan dan pencapaian pegawai-pegawai yang dinilai, dari berbagai segi, iaitu:

KEPIMPINAN

- Dinilai dari segi profesionalisme, keupayaan membimbing dan memimpin pegawai dan kakitangan bawahan sebagai satu pasukan yang mantap.

BERWAWASAN (*VISIONING*)

- Dinilai dari segi kebijaksanaan, mempunyai fikiran dan pandangan jauh dan strategik, dan membuat keputusan berorientasikan hasil.

CONTOH TERBAIK (*ROLE MODEL*)

- Dinilai dari segi keupayaan untuk menjadi contoh terbaik dari segi prestasi, disiplin, akhlak dan keperibadian.

INOVATIF

- Dinilai dari segi penghasilan inovasi dalam pelaksanaan kerja, contohnya, memperkenalkan kaedah atau sistem pelaksanaan kerja baru yang lebih efektif dan efisien.

KOMUNIKASI BERKESAN

- Dinilai dari segi keberkesanan menyampaikan, menerima dan membincangkan maklumat / idea / pengetahuan dengan tepat dan jelas.

PEMANGKIN PERUBAHAN POSITIF

- Dinilai dari segi keupayaan mengurus perubahan dan mempengaruhi rakan sekerja secara positif ke arah peningkatan dan perubahan mengikut keperluan, dasar dan peraturan semasa.

PENGLIBATAN DALAM KERJA KESUKARELAWANAN

- Dinilai dari segi penglibatan dalam kerja-kerja kesukarelawanan di luar dari tugas-tugas rasmi yang dapat memberi manfaat kepada organisasi atau orang ramai (masyarakat). Perkara ini meliputi penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan, kebajikan, kebudayaan, keugamaan, kesukanan, perekonomian di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

KRITERIA PEMILIHAN APCPA BAGI BAHAGIAN III, IV & V

Kriteria yang digunakan dalam menilai dan memilih pegawai yang menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang ditumpukan kepada ciri-ciri penting yang dijadikan asas kepada prestasi kerja pegawai termasuklah mempunyai penilaian prestasi di tahap Cemerlang dua (2) tahun berturut-turut dan bersih dari tapisan keselamatan.

Ciri-ciri yang dinilai adalah seperti berikut:

CONTOH TERBAIK (ROLE MODEL)

- Dinilai dari segi keupayaan untuk menjadi contoh terbaik dari segi prestasi, disiplin, akhlak dan keperibadian.

KOMITMEN

- Dinilai dari segi sikap yang positif dalam memberikan sepenuh tenaga, perhatian dan sokongan kepada pelaksanaan setiap tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan serta menunjukkan semangat dan tahap motivasi yang tinggi.

PERWATAKAN

- Dinilai dari segi keperibadian yang merangkumi budi pekerti, tingkah laku, pemikiran, cara pembawaan diri dan keupayaan berinteraksi sesuai dengan keadaan.

BERINISIATIF

- Dinilai dari segi keupayaan untuk mengenal pasti masalah atau keperluan penambahbaikan, dan seterusnya memberi saranan atau mengambil langkah untuk memulakan usahausaha penyelesaian atau penambahbaikan yang bersesuaian. Proaktif dan tidak camah mata.

SUMBANGAN

- Dinilai dari segi sumbangan di luar daripada skop tugas harian yang boleh meningkatkan imej dan prestasi organisasi. Contohnya, menyumbang kepada peningkatan kemahiran rakan sekerja melalui sesi perkongsian, menganjurkan aktiviti-aktiviti sukan dan kebajikan Jabatan dan mengenalkan sistem penambahbaikan proses kerja.

PENGLIBATAN DALAM KESUKARELAWANAN

- Dinilai dari segi penglibatan dalam kerja-kerja kesukarelawanan di luar daripada tugas-tugas rasmi yang memberi manfaat kepada organisasi atau orang ramai. Perkara ini meliputi penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan, kebajikan, kebudayaan, keagamaan, kesukanan, perekonomian di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

APCPA

PENERIMA-PENERIMA

**ANUGERAH
PEKERJA
CEMERLANG
PERKHIDMATAN
AWAM**



**Pengiran Sarifah Ferzat binti
Pengiran Haji Mohd. Jaafar**
Pegawai Latihan
Bahagian II
Institut Perkhidmatan Awam



Awang Roshimey bin Haji Ibrahim
Pembantu Teknik Kanan
Bahagian III
Unit Pengurusan Aset
Jabatan Perdana Menteri



Dayang Siti Ruhana binti Abd Rahman
Kerani
Bahagian IV
Jabatan Perkhidmatan Awam



Dayang Norainai binti Haji Ibrahim
Pekerja Tingkat I
Bahagian V
Jabatan Audit



Dayang Mabel Lim Fang Yee
Pegawai Kerja Kanan
Bahagian II
Jabatanarah Dasar Pertahanan



**Dayang Normah binti
Orang Kaya Muda Haji Mohd Jair**
Penolong Pentadbir
Bahagian III
Bahagian Kewangan,
Jabatanarah Pentadbiran dan Tenaga Manusia



**Awang Haji Zaini @ Haji Md Zaini bin
Awang Ajong**
Jurugambar Tingkat I
Bahagian IV
Unit Perhubungan Awam



Awang Mohare Affendy bin Haji Puteh
Pengawas Kecil
Bahagian V
Jabatanarah Pentadbiran dan Tenaga Manusia



Dayang Siti Yusmahdizah binti Haji Mat Yusof
Pegawai Kewangan
Bahagian II
Jabatan Perbendaharaan




Dayang Nor Fazalina binti Haji Abdullah
Penolong Pentadbir
Bahagian III
Bahagian Pembangunan Sumber Manusia
dan Hal Ehwal Korporat



Dayang Hajah Halimah binti Haji Salleh
Kerani Kewangan
Bahagian IV
Jabatan Perbendaharaan



Awang Haji Kamarulzaman bin Haji Ismail
Pembantu Pejabat
Bahagian V
Jabatan Perbendaharaan



Dayang Syamim Nabilah binti Haji Daud
Setiausaha Pertama
Bahagian II
Jabatan Perancangan Dasar



Awang Haji Muhammad Safuan bin Haji Abd. Majid
Pengendali Sistem
Bahagian IV
Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi



Dayang Hujanah binti Abd Kadir
Pekerja Tingkat I
Bahagian V
Jabatan Protokol dan Hal Ehwal Konsular



Dayang Hajah Fatimah binti Awang Haji Ahmad
Pendakwa Syar'ie
Bahagian II
Bahagian Pendakwaan Syar'ie



Awang Haji Mohamad Rozan bin Haji Ibrahim
Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan
Bahagian III
Jabatan Pengajian Islam



Dayang Hajah Masniah binti Haji Md Noor
Kerani
Bahagian IV
Bahagian Pendakwaan Syar'ie



Awang Jamrin bin Haji Johari
Pekerja Tingkat I
Bahagian V
Jabatan Hal Ehwal Masjid



**Pengiran Hajah Norhasiah binti
Pengiran Haji Hashim**
Pegawai Saintifik Kanan
Bahagian II
Bahagian Kualiti, Urustadbir dan Inovasi



Awang Haji Mohammad Danil bin Haji Othman
Pentadbir Hospital
Bahagian III
Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda
Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong



Awang Khairil Azhar bin Haji Si-Ramlee
Juruteknik Pelajaran Kesihatan
Bahagian IV
Unit Pencegahan Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit



Dayang Nurul Siti Hazwani binti Mahali
Operator Telefon
Bahagian V
Jabatan Perkhidmatan Perubatan



**Awang Muhd Nurzairie bin Abdullah Peter
@ Hennerey bin Peter**
Pembantu Teknik Kanan
Bahagian III
Jabatan Daerah Belait



**Dayang Hajah Shahrah binti
Awang Haji Mohammad Zainin**
Kerani
Bahagian IV
Bahagian Perancangan Daerah



Dayang Rosminah binti Haji Abang
Penyambut Tetamu
Bahagian V
Jabatan Daerah Belait



Dayang Hamsiah binti Mohd Saat
Pegawai Pemeliharaan Ternakan Kanan
Bahagian II
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan



Dayang Abidah binti Haji Mohamad Yazid
Penolong Pegawai Perikanan
Bahagian III
Jabatan Perikanan



Dayang Haryati binti Haji Mahmud
Pembantu Pertanian
Bahagian IV
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan



Awang Din Sabri bin Haji Shahbudin
Pekerja Tingkat III
Bahagian V
Jabatan Perikanan



Dayang Hajah Nurani @ Noraqilah binti Haji Ahmad
Juruukur Kanan
Bahagian II
Jabatan Ukur



Dayang Hajah Noordina binti Haji Abd Jalil
Ketua Juruteknik Ukur
Bahagian III
Jabatan Ukur



Dayang Noratiqah binti Haji Marali
Kerani
Bahagian IV
Unit Teknologi Maklumat



Dayang Sariminahwati binti Sarudin
Pengawas Kecil
Bahagian V
Jabatan Perkhidmatan Bangunan,
Jabatan Kerja Raya

Dayang Nadia binti Othman

Ketua Pembantu Teknik
Bahagian III

Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan



